BAB 5

PROSPEK INDUSTRI PENGELUARAN MAKANAN DI MALAYSIA

5.1 Pengenalan

Perdana Menteri, Dr. Mahathir pada 23 September 1999 pernah berkata bahawa wawasan terbaru beliau adalah untuk memajukan sektor pertanian dengan menjadikan negara ini negara pengeluar makanan (Saharom Abd. Aziz, 2002). Wawasan terbaru Perdana Menteri ini adalah kerana Malaysia terlalu banyak mengimport bahan makanan dan ini membebankan kerajaan khususnya semasa kelembapan ekonomi yang melanda negara. Bidang pertanian negara sebenarnya berpotensi dan mampu memberi pulangan menguntungkan sejajar dengan matlamat kerajaan menjadikan sektor ini sebagai salah satu enjin pertumbuhan ekonomi. Walaupun sektor pertanian telah mengalami penguncupan yang agak ketara dalam tempoh dua dekad kebelakangan ini, perlu diingat bahawa pertanian masih lagi memainkan peranan penting dari segi sekuriti makanan dan menyediakan peluang pekerjaan. Syer sumbangan sektor pertanian dalam KDNK telah menguncup daripada 22.0 peratus pada tahun 1980 kepada 19.0 peratus pada tahun 1990. Pada tahun 2000 pula, syer sumbangan sektor pertanian hanya berada pada paras 13.0 peratus sahaja (Haslina Hassan, 2002).

Sektor pertanian telah mengalami kemerosotan dari segi sumbangannya kepada pendapatan Negara. Namun, melalui beberapa langkah pemodenan, sektor ini mempunyai prospek yang agak cerah terutamanya sektor pengeluaran

makanan. Beberapa jenis tanaman telah dikenalpasti untuk dimajukan untuk permintaan pasaran tempatan dan pasaran eksport seperti buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan, perikanan dan tanaman herba. Usaha-usaha R&D, galakan dan insentif daripada pihak kerajaan akan ditumpukan ke arah pembangunan jangka panjang industri pengeluaran makanan dan industri pemprosesan berkaitan yang berdaya maju.

5.2 Dasar-dasar Pembangunan Tanaman Makanan

Beberapa dasar telah dirangka untuk meningkatkan lagi pengeluaran tanaman makanan negara. Antaranya:

5.2.1 Beras

Padi merupakan tanaman makanan utama negara. Peningkatan pendapatan dan taraf hidup yang tinggi telah mengubah citarasa pengguna kepada jenis beras yang lebih berkualiti. Ini meningkatkan penggunaan keluaran berasaskan beras. Matlamat pengeluaran beras negara akan ditetapkan untuk memenuhi tahap sara diri minimum sebanyak 65.0 peratus menjelang 2010. Manakala pengeluarannya akan lebih tertumpu di kawasan jelapang padi utama dan sekunder. Tumpuan akan diberikan kepada pembaikan varieti dan hasil serta peningkatan kekerapan tanaman, penyusunan semula sistem pengeluaran ladang yang merangkumi peningkatan mekanisasi dan pembaikan amalan pengurusan ladang, pengurangan kerugian lepas tuai dan pengapungan harga beras gred terpilih. Paras pengeluaran beras dalam negara semasa dan masa hadapan akan sentiasa diawasi dan dikaji semula untuk meminimumkan kos sumber kepada ekonomi. Sebagai tambahan, usaha mendapatkan punca beras melalui pelaburan luar pesisiran pantai akan diterokai. Dalam usaha

untuk mencapai objektif beras negara, kerajaan telah menggariskan beberapa dasar utama. Antaranya ialah:

a) Mengenalpasti beberapa kawasan tanaman

Lapan kawasan utama penanaman padi akan dikekalkan sebagai kawasan tanaman bagi mencapai 65.0 peratus tahap sara diri. Pada masa ini, kawasan ini hanya meliputi 30.0 peratus daripada jumlah keseluruhan kawasan tanaman padi. Beberapa kawasan yang sesuai telah dikenalpasti di Sabah dan Sarawak untuk kawasan tanaman komersial yang akan diusahakan oleh pihak swasta.

b) Penggunaan semula kawasan yang tidak produktif

Kawasan padi yang tidak produktif akan digunakan semula untuk tanaman lain. Pendekatan Perhutani (Agroforestry) akan diperkenalkan di kawasan ini. Pusat-pusat maklumat akan ditubuhkan bagi menyalurkan maklumat tentang tanah-tanah sawah yang terbiar. Kerajaan-kerajaan negeri juga akan digalakkan untuk menyediakan peruntukan untuk pembangunan tanah-tanah sawah terbiar.

c) Pemulihan industri beras

Dasar beras negara yang mengawal harga dan gred dikaji semula bagi tujuan mengatur semula industri ini. Ini akan membenarkan kuasa pasaran menentukan harga dan kualiti beras. Kerajaan hanya akan mengawal satu gred beras sahaja bagi menjaga kepentingan pengguna yang berpendapatan rendah.

5.2.2 Perikanan

Perikanan merupakan sumber protein yang utama dan murah di negara ini. Sektor ini menghadapi masalah kepupusan sumber-sumber ikan

terutamanya di pesisir pantai. Oleh itu, perikanan laut dalam digalakkan. Perikanan marin terutama laut dalam, akuakultur dan air tawar akan digalakkan dan disokong melalui insentif, infrasturktur dan program-program berkaitan. Pembangunan industri ini akan menumpukan kepada perkembangan selanjutnya bagi keluaran ikan segar dan diproses termasuk sokongan bagi pembangunan aktiviti pembuatan berasaskan sumber ikan bersepadu dan berdaya maju. Keluaran ini akan menampung keperluan pasaran tempatan dan luar negeri yang semakin bertambah. Eksploitasi sumber-sumber perikanan akan dilaksanakan dengan mengambil kira faktor kemampanan sumber tersebut.

5.2.3 Ternakan

Jenis ternakan adalah seperti lembu, kambing, ayam-itik, khinzir dan lain-lain lagi. Bagi mengatasi masalah kekurangan sumber tanah, program integrasi antara ternakan dengan tanaman ladang seperti kelapa sawit dan getah akan dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran daging lembu dan kambing. Usaha-usaha pengeluaran akan disokong dengan mengimport baka-baka eksotik dan melalui penyelidikan yang intensif. Manakala pengeluaran ayam-itik pula akan dipertingkatkan untuk eksport dan memenuhi keperluan penggunaan dalam negeri dan industri berasaskan pertanian yang semakin berkembang. Pewujudan industri ternakan ayam-itik yang cekap, moden dan bersepadu akan digalakkan secara bersungguh-sungguh. Pengeluaran produk tenusu tempatan bagi susu cair akan digalakkan lagi bagi memenuhi permintaan penggunaan. Industri susu dan keluaran tenusu tempatan akan dimajukan dengan menggunakan susu tempatan dan yang diimport bagi

memenuhi penggunaan yang dijangka meningkat. Ini kerana pilihan pengguna telah beralih ke arah makanan berkhasiat yang berasaskan susu.

5.2.4 Buah-buahan dan Sayur-sayuran

Industri buah-buahan seperti jus, puri dan pekatan telah menjadi salah satu daripada perniagaan tani yang utama. Peluang terbuka bagi Malaysia untuk menerokai industri ini seperti pemprosesan jus buah-buahan tropika, minuman dan produk yang berserat tinggi. Pengeluaran buah-buahan akan dipertingkatkan untuk mengeksploitasi peluang-peluang pasaran antarabangsa dan dalam negeri yang semakin berkembang. Penekanan akan diberikan kepada jenis buah-buahan yang mempunyai nilai komersial dan potensi pasaran yang tinggi. Satu rancangan jangka panjang untuk mempertingkatkan pengeluaran dan eksport buah-buahan akan dilaksanakan. Ini termasuk keluaran-keluaran segar dan yang telah diproses. Manakala pengeluaran sayur-sayuran akan dipelbagaikan untuk memasukkan varieti-varieti asli (ulam-ulaman) di mana penanamannya akan digalakkan bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan yang semakin bertambah. Kawasan-kawasan khusus dikenalpasti sebagai kawasan tanaman sayur-sayuran dengan mengambil kira faktor kemampanan. Pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan yang bernilai tinggi di kawasan tanah tinggi dan tanah rendah yang menggunakan kaedah kos efektif akan digalakkan.

5.3 Prospek Industri Pengeluaran Makanan

Prospek bagi pelbagai jenis tanaman adalah berbeza-beza. Ia bergantung kepada keberuntungan tanaman tersebut dari segi ekonomi dan

daya saingnya di pasaran antarabangsa. Di Malaysia terdapat pasaran makanan yang agak besar dan semakin berkembang. Ia boleh digunakan sebagai asas untuk mewujudkan industri pengeluaran dan pemprosesan makanan tempatan yang kukuh. Industri ini akan membekalkan keperluan bekalan makanan negara sama ada dari segi kuantiti mahupun kualiti. Terdapat peluang-peluang yang luas dalam pasaran makanan ini untuk industri-industri penggantian import dan untuk industri-industri yang boleh memenuhi permintaan tambahan disebabkan pertambahan penduduk, peningkatan pendapatan dan perubahan citarasa pengguna. Industri pemprosesan makanan meningkat sebanyak 0.8 peratus daripada RM11.8 bilion pada tahun 1998 kepada RM11.9 bilion pada tahun 1999. Tiga barangan makanan menunjukkan peningkatan dalam pengeluaran iaitu barangan tenusu yang mencatatkan peratus peningkatan tertinggi iaitu 13.9 peratus diikuti oleh barangan makanan lain sebanyak 13.1 peratus dan pemprosesan bijiran dan penyediaan bijiran sebanyak 10.0 peratus. Barangan ini kebanyakannya dihasilkan oleh syarikat multinasional termasuk barangan yang dibungkus semula, diubahsuai dan ditambah nilai untuk dieksport semula (Malaysia, 2000b).

Pertumbuhan pesat sektor perindustrian berbanding sektor pertanian mempunyai impak yang agak signifikan ke atas kemajuan perkembangan sektor makanan. Ini dapat dikaji dengan lebih dekat dari segi penggunaan tanah, pengeluaran sektor makanan dan nilai tambah sektor ini yang mempengaruhi potensi dan prospek masa depan industri pengeluaran makanan negara.

Jadual 5.1: Pengeluaran Industri Pemprosesan Makanan (RM juta)

Barangan	1998	1999	Perubahan (%)
Barangan Tenusu	1857	2116	13.9
Makanan Haiwan	2034.8	1870	-8.1
Pemprosesan bijiran & Penyediaan bijiran	1707.2	1878.6	10
Gula	1417.3	1451.5	2.4
Koko, Coklat dan Manis-manisan	1033.7	1039.4	0.6
Daging & Barangan Makanan Laut	739.6	720.8	-2.5
Minuman & Tembakau	2385	2125	-10.9
Mengetin Nanas	77.8	72.2	-7.2
Barangan Makanan Lain	597.5	675.8	13.1
Jumlah	**11849.9**	**11949.3**	**0.8**

Sumber: Laporan Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia,1999 (diubahsuai)

5.3.1 Penggunaan Tanah untuk Sektor Makanan

Perhatian yang agak istimewa telah diberikan kepada sektor komoditi industri seperti getah, kelapa sawit, koko dan lain-lain bagi tujuan pembangunan dan perkembangannya. Hal ini menyebabkan perkembangan yang agak perlahan bagi sektor komoditi makanan. Ini dapat dilihat dalam keluasan kawasan tanah pertanian untuk tanaman komoditi makanan bagi tempoh 1995-2000. Tanaman kelapa sawit mencatatkan pertambahan dalam keluasan kawasan sebanyak 7.6 peratus setahun dari 2.5 juta hektar pada tahun 1995 kepada 3.5 juta hektar pada tahun 2000 (Jadual 3.1). Bagi kategori makanan, hanya sayur-sayuran dan buah-buahan sahaja yang menunjukkan pertambahan dalam jumlah luas kawasan tanaman dalam tempoh yang sama. Penggunaan tanah untuk sayur-sayuran ialah 42,000 hektar pada tahun 1995 dan meningkat kepada 51,420 hektar pada tahun 2000 iaitu peningkatan

sebanyak 4.5 peratus setahun. Tanaman buah-buahan pula menunjukkan peningkatan sebanyak 4.3 peratus dari 244,471 hektar pada tahun 1995 kepada 297,436 hektar pada tahun 2000.

Walau bagaimanapun selepas berlakunya krisis kewangan 1997/1998, keadaan ini nampaknya telah berubah. Secara keseluruhannya keluasan kawasan untuk tanaman komoditi makanan dijangka meningkatmenjelang tahun 2005. Bagi tanaman sayur-sayuran, jumlah luas kawasan tanaman dijangka meningkat daripada 5.1 juta hektar pada tahun 2000 kepada 7.7 juta hektar pada tahun 2005. Dalam RM8, negara mensasarkan pertambahan kawasan tanaman buah-buahan sebanyak 5.0 peratus iaitu peningkatan daripada 3.0 juta hektar pada tahun 2000 kepada 4.0 juta hektar pada tahun 2005. Namun, sektor makanan ini terpaksa bersaing dengan sektor-sektor lain untuk tanah yang terhad. Usaha-usaha pembangunan akan dijalankan bagi mengatasi masalah kekurangan tanah. Pembangunan tanah akan difokuskan di peringkat negeri di mana terdapat banyak kawasan baru yang sesuai untuk pertanian seperti di Pahang, Sabah dan Sarawak. Tanah-tanah terbiar akan dibangunkan untuk tujuan ekonomi terutamanya bagi menyokong perkembangan pengeluaran makanan domestik. Ini akan menyokong potensi industri pengeluaran makanan negara. Pihak kerajaan-kerajaan negeri pula akan memperuntukkan tanah-tanah pertanian bagi memenuhi permintaan daripada pihak swasta pada kadar yang rendah. Dalam RM7, sejumlah 191000 hektar tanah telah dikenalpasti oleh kerajaan-kerajaan negeri untuk diwartakan sebagai zon tanaman sayur-sayuran dan 3000 hektar pula diperuntukkan untuk

pembanguan taman teknologi bagi tujuan R&D dan pengeluaran makanan komersial (Malaysia, 1996a).

Dalam DPN3 (1998-2010), objektif utama ialah memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber secara optimum dalam sektor pertanian. Dua pendekatan utama telah digarispanduan bagi mencapai objektif ini iaitu Pendekatan Perhutani (Agroforestry Approach) dan Pendekatan Berasaskan Produk (Product-based Approach). Pendekatan Perhutani bertujuan memberi perhatian kepada masalah kekurangan sumber-sumber termasuk tanah. Di bawah pendekatan ini, kegiatan pertanian dan perhutanan dilihat sebagai dua kegiatan yang saling melengkapi. Di dalam kaedah ini, ternakan seperti lembu dan kambing akan dijalankan di ladang-ladang kelapa sawit dan getah. Ini adalah satu strategi untuk memaksimumkan penggunaan tanah pertanian. Pertambahan keluasan kawasan untuk tanaman komoditi makanan akan memberi kesan positif kepada jumlah pengeluaran komoditi jenis ini. Pertambahan pengeluaran menunjukkan Malaysia mampu menjadi negara pengeluar makanan utama.

5.3.2 Pertambahan Output Tanaman Makanan

Pengeluaran makanan akan dipertingkatkan secara besar-besaran dan bersungguh-sungguh bagi memenuhi peningkatan permintaan tempatan, mengurangkan bil mengimport dan untuk eksport. Dalam RM8, pengeluaran makanan utama dijangka meningkat. Ini merangkumi pengeluaran perikanan, ternakan, padi, buah-buahan dan sayur-sayuran. Pertambahan dalam pengeluaran akan dicapai melalui pembukaan kawasan-kawasan baru,

penggunaan tanah secara lebih intensif serta peningkatan kecekapan dan produktiviti. Di samping itu, pertambahan pengeluaran makanan negara dapat dicapai melalui penggunaan secara meluas teknologi baru yang lebih moden, penggunaan benih berhasil tinggi dan bioteknologi.

(a) Buah-buahan dan Sayur-sayuran

Berdasarkan kepada permintaan dan kecekapan pengeluaran, Malaysia sebenarnya berpotensi untuk mempertingkatkan pengeluaran buah-buahan dan mampu bersaing untuk membekalkan buah-buahan terpilih bagi memenuhi permintaan pasaran domestik dan pasaran eksport global. Pada tahun 2005, tanaman buah-buahan dijangka dapat mengeluarkan lebih 2.0 juta tan berbanding 1.4 juta tan pada tahun 1995 iaitu sasaran sebanyak 7.6 peratus setahun (Jadual 3.2). Peningkatan dalam pengeluaran buah-buahan akan dapat membekalkan bahan mentah kepada industri memproses seperti jus, puri, mengetin dan sebagainya. Di samping penekanan tumpuan kepada buah-buahan, tanaman sayur-sayuran juga tidak diketepikan. Kedua-dua jenis tanaman ini akan terus diberikan tumpuan khusus kerana potensi perkembangan yang tinggi. Pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran akan dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan, eksport dan industri pemprosesan. Permintaan tempatan bagi buah-buahan dan sayur-sayuran segar yang berkualiti tinggi dijangka akan meningkat berikutan pertambahan penduduk dan kuasa beli yang lebih tinggi. Situasi ini akan membuka peluang supaya tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran berkembang maju di masa depan.

Manakala permintaan luar negeri dijangka meningkat hasil daripada usaha promosi di pasaran eksport baru dan pasaran sedia ada. Bagi menjamin kedua-dua jenis tanaman ini terus konsisten, kawasan pengeluaran kekal disediakan termasuk taman teknologi pertanian, taman hortikultur dan bandar satelit. Di ladang-ladang getah yang menjalankan pertanian secara integrasi akan dimajukan untuk meningkatkan pengeluaran ternakan. Dalam tempoh RM8, pengeluaran buah-buahan dijangka meningkat pada kadar 7.6 peratus setahun daripada 1.3 juta tan kepada 2.0 juta tan (Jadual 3.2). Keutamaan akan diberi kepada sembilan jenis buah-buahan utama iaitu limau mandarin, nanas, nangka, betik, belimbing, mangga, tembikai, jambu batu dan durian (Malaysia, 2001b). Manakala kawasan tanaman buah-buahan dijangka meningkat sebanyak 5.0 peratus setahun daripada 297,400 hektar pada tahun 2000 kepada 378,600 hektar pada tahun 2005 (Jadual 3.1).

Usaha-usaha akan diambil untuk meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran yang berkualiti melalui penggunaan teknik pertanian moden secara intensif. Antaranya seperti struktur perlindungan hujan dan kalis serangga, hidroponik, aeroponik, penyuburan serta teknologi pengendalian lepas tuai. Pengeluaran sayur-sayuran dijangka meningkat sebanyak 6.4 peratus daripada 1.0 juta tan pada tahun 2000 kepada 1.4 juta tan pada tahun 2005. Ini selaras dengan jangkaan pertambahan keluasan kawasan tanaman sebanyak 8.5 peratus setahun daripada 514000 hektar kepada 773000 hektar bagi tempoh 2000 hingga 2005. Peningkatan dalam keluasan kawasan tanaman dan pengeluaran menunjukkan bahawa Malaysia mampu menjadi negara pengeluar buah-buahan dan sayur-sayuran utama.

(b) Perikanan

Dalam tempoh sepuluh tahun lepas, industri perikanan telah mengalami pembangunan yang agak cepat dengan mencatatkan peningkatan dalam pengeluaran. Ini disebabkan perubahan corak perikanan secara tradisional kepada corak yang lebih moden dan komersial dengan penglibatan aktif pihak swasta dan penggunaan teknologi baru. Ini telah mendorong kepada pembangunan perikanan laut dalam dan akuakultur yang lebih komersial. Malaysia mempunyai potensi dari segi sumber untuk meningkatkan penawaran perikanan bagi memenuhi permintaan tempatan dan eksport. Menjelang tahun 2010, dijangkakan bahawa sumbangan perikanan pesisir pantai akan kekal pada 600,000 tan setahun melalui pengurusan yang berhemat dan sistematik (Rahimah Md. Said, 2000). Pengeluaran perikanan dijangka meningkat daripada 1.5 juta tan pada 2000 kepada 1.9 juta tan pada tahun 2005 dengan sasaran peningkatan sebanyak 4.2 peratus setahun (Jadual 3.2). Potensi perikanan akuakultur berskala sederhana dan besar di darat dan di laut lepas akan diusahakan dengan mewujudkan lebih banyak kawasan pengeluaran dan penglibatan sektor swasta yang lebih aktif. Di samping itu dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan nelayan, mereka akan digalakkan menceburi perikanan akuakultur secara komersial. Bagi menggalakkan penyertaan sektor swasta, kemudahan infrastruktur seperti kawasan pendaratan dan pemprosesan yang lebih moden berserta perkhidmatan sokongan lain akan ditambah. Beberapa kawasan tanah yang sesuai bagi pembangunan industri perikanan akuakultur akan dikenalpasti. Pengeluaran perikanan akuakultur diharapkan dapat menyumbang kepada jumlah penawaran ikan negara daripada 11.0 peratus pada tahun 1995 kepada lebih daripada 30.0 peratus menjelang tahun

2010. Ini akan menyokong peluang pembangunan industri ini termasuk perusahaan ikan kering.

Setelah melihat kepada jumlah pengeluaran beberapa komoditi makanan, nilai tambah sektor makanan menjadi penunjuk dan kayu pengukur yang dapat mengenalpasti sejauh mana peluang Malaysia untuk memajukan industri pengeluaran makanan.

5.3.3 Nilai Tambah Komoditi Makanan

Beberapa usaha dan langkah yang diambil oleh kerajaan bagi membangunkan sektor pertanian amnya dan pengeluaran makanan khasnya telah meningkatkan nilai tambah sektor ini. Antaranya ialah penggunaan teknologi baru dan menaikkan taraf teknologi pengeluaran sedia ada. Nilai tambah beberapa jenis makanan dijangka meningkat pada tahun 2005. Dalam tempoh RM8, nilai tambah ternakan dijangka berkembang sebanyak 5.6 peratus setahun daripada RM1.1 bilion pada tahun 2000 kepada RM1.5 bilion pada tahun 2005 (Jadual 3.3). Dengan penggunaan teknologi moden, pengeluaran ayam-itik dan produknya yang mempunyai nilai tambah yang tinggi akan diintegrasikan. Peningkatan nilai tambah ternakan terutamanya daging lembu dan kambing dapat ditingkatkan melalui sistem pengurusan, pembiakan dan kawalan penyakit yang lebih baik. Baka-baka baru seperti Brakmas dan Malin akan dipromosikan terutamanya melalui program integrasi sedia ada dengan tanaman ladang bagi meningkatkan pengeluaran daging tempatan (Malaysia, 2001b). Nilai tambah bagi perikanan juga dijangka

meningkat sebanyak 4.8 peratus setahun daripada RM2.4 juta pada tahun 2000 kepada RM3.0 juta pada tahun 2005.

5.4 Potensi Produk Tumbuhan Herba

Selain daripada jenis butiran makanan yang sedia ada, Malaysia sebenarnya mampu untuk meneroka tentang kepentingan tumbuhan herba. Dewasa ini, penggunaan herba dalam rawatan dan penjagaan kesihatan kian popular. Hutan Malaysia mempunyai 15,000 spesis tumbuh-tumbuhan dan sekurang-kurangnya 1,200 daripada spesis ini dikenalpasti mempunyai nilai perubatan (Mohd. Zuki Pileh dan Hamidah Zabidi, 2001). Ini akan membuka peluang Malaysia untuk menjadi peneraju dalam industri perubatan herba dunia. Walaupun perubatan moden telah mendominasi kaedah rawatan dan penjagaan kesihatan, masih ramai pesakit yang cenderung memilih ubat-ubatan tradisional untuk pelbagai jenis penyakit. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), 80.0 peratus penduduk dunia bergantung kepada ubat-ubatan tradisional bagi penjagaan kesihatan tetapi hanya sedikit daripada tumbuhan ini dikaji secara saintifik. Selebihnya masih dilingkari dakwaan-dakwaan yang belum ditentukan kebenarannya (Mohd. Zuki Pileh dan Hamidah Zabidi, 2001). Selain daripada mempunyai banyak tumbuhan herba yang boleh dikomersialkan, pasaran untuk ubat-ubatan herba ini juga besar. Menurut Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MiGHT), pasaran herba di Malaysia dianggarkan bernilai antara RM2.5 bilion hingga RM3.0 bilion setahun dengan industri herba tempatan menguasai hanya 5.0 peratus hingga 10.0 peratus sahaja.

Secara umumnya, produk herba adalah berasaskan kepada botani, tumbuhan rempah ratus dan tumbuhan akuatik. Ia digunakan sama ada sebagai ubat tradisional, wangi-wangian mahupun sebagai hiasan. Bagaimanapun, ubat tradisional yang dihasilkan daripada akar, batang atau daun tumbuhan ubatan dijangka akan memberikan kesan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi dunia. Secara globalnya, kadar pertumbuhan industri bioteknologi sangat hebat beberapa tahun lalu dan dijangka terus meningkat pada masa depan. Permintaan terhadap produk kesihatan, pertanian dan lain-lain lagi yang berasaskan bioteknologi diramalkan mencapai RM190 bilion (US$50 bilion) menjelang tahun 2005.

Pada masa depan, permintaan terhadap produk kesihatan akan terus bertambah. Kewujudan penyakit-penyakit kronik dan pertambahan populasi tua yang tinggi menjanjikan peningkatan dalam pasaran ubat-ubatan dan produk penjagaan kesihatan berasaskan herba. Terdapat beberapa sebab mengapa orang ramai beralih daripada perubatan moden kepada perubatan tradisional. Selain daripada harga ubatan dan rawatan konvensional yang semakin meningkat, kesan sampingan herba adalah lebih rendah jika diambil dalam dosej yang betul. Terdapat beberapa faktor yang menjadikan produk herba ini kian popular. Antaranya, kesedaran masyarakat tentang keupayaan ubatan herba, penyakit-penyakit baru, keprihatinan terhadap pemakanan dan keinginan untuk mendapatkan rawatan secara tradisional.

Produk ubatan herba di Malaysia lebih berpotensi untuk dikomersialkan kerana terdapat langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan. Di Malaysia,

polisi yang menyokong pembangunan industri ini dan regulasi yang sesuai telahpun diwujudkan. DPN3 telah mengenalpasti bahawa industri herba amat berpotensi untuk diketengahkan dan Malaysia mesti mengambil bahagian dan menguasainya. Menjelang 2010, pasaran ubatan tradisional negara dijangka meningkat kepada 40.0 peratus hingga 50.0 peratus. Pelbagai suku kaum di Malaysia yang mempunyai formula dan kepercayaan masing-masing terhadap herba, jika digabungkan akan mampu menjadikan Malaysia negara industri herba.

Kenaikan harga beberapa ubatan moden dan yang diimport menjadi faktor produk hutan rimba Malaysia sangat bernilai. Namun, pelbagai spesis herba ubatan yang tumbuh meliar tidak akan membawa pulangan yang besar jika tidak dijalankan langkah pembiakan baka-baka herba berkenaan. Bagi menjadikan Malaysia sebagai negara herba dunia, tumbuhan herba perlu ditanam secara besar-besaran dan intensif. Ini kerana bahan mentah yang diambil terus dari hutan makin berkurangan dan ini tidak dapat menampung kehendak komersial. Sumber ini semakin berkurangan kerana kegiatan membawa keluar hasil herba dan ubatan seperti tongkat ali dan kacip fatimah daripada hutan simpan agak serius dan tanpa kawalan. Bagi mengatasi masalah ini, penanaman tumbuhan perubatan di ladang-ladang komersial boleh memastikan pengeluaran produk herba memperolehi bekalan yang mencukupi bagi operasi jangka panjang. Selaras dengan DPN3 yang telah mengenalpasti industri herba sebagai salah satu industri yang amat berpotensi untuk dimajukan pada abad ke-21, penanaman secara ladang yang bersaiz beribu hektar hendaklah dijalankan. Sehingga kini, ladang-ladang herba hanya

dimiliki oleh syarikat besar seperti Nona Roguy yang mempunyai lebih 2000 hektar ladang herba di Pahang. Namun, usaha yang dijalankan oleh syarikat Nasuha Enterprise Sdn. Bhd harus dicontohi. Di samping menanam tumbuhan herba tempatan, pengusahanya juga menanam herba yang dibawa masuk dari Afrika. Amerika Syarikat, Jepun, Australia, Yaman, Indonesia dan lain-lain negara lagi di atas ladang seluas 1000 hektar di Muar, Johor.

Satu kajian semula industri herba di Malaysia yang dijalankan oleh Majlis Perkayuan Malaysia (MTC) menyimpulkan bahawa bekalan bahan mentah secara berterusan dan bermutu baik amatlah penting. Program penanaman tumbuhan herba secara komersial patut digalakkan. Penanaman bersepadu spesis tumbuhan perubatan dengan pokok-pokok getah dan kelapa sawit telah dijalankan dengan menggunakan kaedah agro-perhutanan. Produk herba keluaran Malaysia haruslah mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Di bawah DPN3, tumbuhan perubatan dipilih sebagai sumber komoditi yang akan digalakkan secara khusus bagi membolehkan Malaysia menjadi sebuah pusat pembangunan produk herba dan pembekalan bahan-bahan mentah bagi kegunaan perindustrian. Antara tumbuhan yang dianggap sebagai komoditi baru pada masa depan terdiri daripada lidah buaya, hempedu bumi, pegaga, kunyit, serai wangi. tongkat ali, cekur, mengkudu, kemangi dan nilam. Tumbuhan ini selain daripada memberikan hasil yang lumayan kepada peladang dan petani, ia juga boleh memberi pendapatan yang lebih tinggi berbanding sesetengah tanaman tradisi yang lain.

Sehingga kini kira-kira 8500 produk tradisional telah didaftarkan. Malaysia adalah satu-satunya negara di dunia yang mendaftar dan mengawal produk perubatan tradisional sebelum diedarkan ke pasaran terbuka. Ini bagi menjamin prosedur keselamatan produk dipatuhi (Mohd. Zuki Pileh dan Hamidah Zabidi, 2001). Walaupun ubat tradisional tidak akan menggantikan ubatan moden, industri herba ini mempunyai potensi yang sangat besar di masa depan. Usaha dan penyelidikan untuk memajukan industri ini perlu dibuat secara menyeluruh. Usaha penyelidikan yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) ke atas beberapa produk herba seperti tongkat ali adalah satu langkah yang baik bagi menjamin kemampuan Malaysia untuk bersaing dengan produk luar negara. Sejak dua tahun yang lepas, kajian terhadap kehadiran bahan antioksidan di dalam tumbuhan ubat-ubatan giat dijalankan. Kajian ini telah berjaya mengenalpasti sumber-sumber tumbuhan antioksidan baru dan mengesahkan secara saintifik kesan antioksidan yang dikaitkan dengan tumbuhan berkenaan. Aktiviti penyelidikan ini telah berjaya menarik minat beberapa pihak yang terlibat dalam industri herba ini yang meminta supaya kajian ini ditawarkan sebagai servis kepada industri bagi menaikkan taraf kualiti produk herba. Dengan anugerah sumber tumbuhan herba yang kaya di dalam hutan kita dan digabungkan dengan galakan kerajaan seperti penanaman secara ladang dan kajian penyelidikan, ia membuktikan bahawa industri ubatan tradisional berasaskan herba di Malaysia menguntungkan dan mampu untuk diketengahkan.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

5.5 Malaysia sebagai Pusat Makanan Halal

Selain daripada produk herba, Malaysia juga mampu menjadi pusat makanan halal di peringkat global. Di peringkat antarabangsa, terdapat peluang pasaran bagi Malaysia untuk dibangunkan sebagai pusat makanan halal dan juga lain-lain produk ternakan. Secara keseluruhannya, terdapat 1.8 bilion umat Islam di 112 buah negara di seluruh dunia. Ini menyediakan ruang pasaran yang cukup luas dan lumayan kepada peniaga tempatan. Kerajaan sekarang ini sedang mengeksploitasikan Malaysia bagi menjadikannya suatu kenyataan. Oleh itu, strategi akan digubal bagi mengketengahkan kelebihan yang ada pada Malaysia. Pihak Kementerian Kesihatan telah melantik sebuah syarikat perunding khas bagi menjalankan kajian mengenai peluang produk halal di Kesatuan Eropah. Sebanyak enam kawasan pembangunan khas bagi pemprosesan makanan halal telah dikenalpasti. Kawasan-kawasan tersebut ialah Gambang dan Serkam di Pahang, Batang Berjuntai (Selangor), Paya Pahlawan (Kedah), Labu (Negeri Sembilan dan Pantai Remis (Perak). Selain enam kawasan ini, Kementerian Pertanian telah mengenalpasti empat buah hab makanan di pelbagai lokasi. Kesan positif daripada penubuhan hab ini dilihat dalam penstabilan harga daging segar, bekalan yang berterusan dan pengurangan harga yang secara langsung dapat dinikmati oleh pengguna tempatan (Utusan Malaysia, 2002d).

Aspek-aspek halal yang termasuklah pemeriksaan, pengesanan, piawaian dan pengeluaran sijil halal Malaysia akan diberi perhatian serius. Kesemua aspek ini akan diperkukuhkan. Dalam tahun 1999, sebanyak 12 sijil Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP) telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat industri pemprosesan makanan. Jumlah ini telah meningkat

kepada 22 sejak sijil ini diperkenalkan pada akhir tahun 1997. Dalam tahun 1999, sebanyak 305 buah syarikat industri pemprosesan makanan menerima sijil halal berbanding 184 buah syarikat pada tahun 1998. Dengan penganugerahan sijil halal ini telah memudahkan syarikat-syarikat ini memasuki pasaran eksport terutama pasaran Asia Tengah (Malaysia, 2000b). Sijil piawaian halal untuk pengendalian makanan, pembungkusan dan pemprosesan telah dibangunkan oleh SIRIM untuk digunapakai oleh pihak industri pemprosesan makanan. Pihak kerajaan dengan kerjasama pihak swasta akan mempromosikan produk-produk halal Malaysia di peringkat antarabangsa.

5.6 Kesimpulan

Malaysia sebenarnya beruntung kerana dikurniakan tanah yang luas, bumi yang subur dan iklim yang sesuai untuk pertanian. Dengan anugerah yang dinyatakan, Malaysia berpotensi untuk menerokai sektor indsutri pengeluaran makanan ini secara intensif. Malaysia mempunyai prospek yang cerah pada masa depan dalam beberapa jenis tanaman seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan produk herba. Di samping anugerah alam seperti tanah dan iklim yang sesuai dan disokong pula dengan galakan kerajaan, cita-cita Malaysia untuk menjadi negara pengeluar makanan dapat direalisasikan. Bagi mencapai tujuan ini, transformasi pertanian perlu dilaksanakan bagi membawa pembaharuan dalam sektor pertanian terutamanya sektor makanan negara supaya menjadi lebih kompetitif, moden, dinamik, menguntungkan dan menyumbangkan kepada pendapatan negara. Jika dilihat dari segi luas kawasan tanaman, jumlah pengeluaran dan nilai tambah sektor komoditi makanan ini, ia menunjukkan

bahawa Malaysia mempunyai peluang dan potensi yang cerah di masa depan sebagai negara industri pengeluaran makanan.